



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 Jld. 42(34)
Tarikh : 22 Ogos 2025

Pembantu Pengurus Perhubungan Awam
Staedtler Marketing Sdn. Bhd.
Setiawalk, Persiaran Wawasan
Pusat Bandar Puchong
47160 Selangor

Puan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI
PROGRAM PERTANDINGAN *WORLD KIDS COLOURING DAY 2025* ANJURAN
STAEDTLER MARKETING SDN. BHD. TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat puan bertarikh 15 Ogos 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Staedtler Marketing Sdn. Bhd.** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Pertandingan *World Kids Colouring Day 2025*** yang dilaksanakan pada **1 April hingga 30 Jun 2025** secara dalam talian.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah **Pelibatan 2 Peringkat Kebangsaan dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti, Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak penganjur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

4. Sehubungan dengan itu, pihak puan dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai peserta yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi pegawai kami **Encik Wan Mohd Mahfodz bin Wan Hasan** di talian **03-88721660** atau melalui e-mel mahfodz.hasan@moe.gov.my.

Kerjasama dan perhatian pihak puan berkaitan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SUPIAN BIN ABDUL KADIR)

b.p. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

WanMahfodz/Surat_Pengiktirafan_ProgramSTAEDTLER/2025/MyDoc

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN
PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN
PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PELIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4